



# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

## Tingkatan 3 Sesi 2022/2023

### Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

<b>Nama</b>	
<b>No. Kad Pengenalan</b>	
<b>Kelas</b>	

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	<b>1-15</b>	15	
<b>B</b>	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
<b>C</b>	1	15	
<b>Jumlah</b>		<b>60</b>	

Arahan: *Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.*

**BAHAGIAN A**  
[15 markah]

**Soalan 1 - 2**

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “Mengapakah \_\_\_\_\_ tidak lalu bersantap sejak beberapa hari ini?”  
sembah Mak Inang kepada Puteri Bongsu.  
  
A baginda  
B tuanku  
C hamba  
D beta
  
- 2 Encik Syukur suka membaca akhbar sambil menghirup kopi yang \_\_\_\_\_  
tanpa gula.  
  
A kelat  
B payau  
C manis  
D pahit

## Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 3
- I Anak-anak Pak Jamal sudah *besar*.
  - II Projek pembinaan jambatan baharu itu menelan belanja yang *besar*.
  - III Mereka datang membawa hajat yang *besar* untuk meminang kakak.
  - IV Pasukan bola sepak negara mempunyai peluang yang *besar* untuk menang pada malam.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 4
- I Kakak *melepaskan* isi hatinya kepada emak sambil menangis teresak-esak.
  - II Ketua kampung akan *melepaskan* jawatan untuk memberi laluan kepada muka baharu.
  - III Pak Ali *melepaskan* kambing peliharaannya dari kandang untuk meragut rumput di padang.
  - IV Pihak penganjur telah *melepaskan* hadiah utama kepada pemenang cabutan bertuah.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

## Soalan 5 - 6

*Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.*

- 5 Cikgu Ahmad menasihatkan murid-murid agar bersyukur di atas sumbangan komputer riba daripada kerajaan.
- A menasihati murid-murid agar bersyukur ke atas
  - B menasihati murid-murid agar bersyukur atas
  - C menasihatkan murid-murid agar bersyukur atas
  - D menasihatkan murid-murid agar bersyukur di atas
- 6 Adik telah mengayuh dengan laju-laju basikalnya supaya dia tidak terlambat sampai ke sekolah.
- A kayuh laju-laju basikalnya
  - B mengayuh basikalnya laju-laju
  - C kayuh basikalnya dengan laju-laju
  - D mengayuh dengan laju-laju

## Soalan 7 - 8

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 7 I Faizal menceritakan tentang perkara itu dengan bersungguh-sungguh.  
II Saya tidak pasti sama ada Farid pergi ke Melaka atau ke Pulau Pinang.  
III Luka pada jari Aminah dibalut oleh emak dengan secarik kain.  
IV Guru-guru memuji Rais kerana dia bijak dan berbudi bahasa.
- A I dan II sahaja.  
B III dan IV sahaja.  
C I, II dan III sahaja.  
D II, III dan IV sahaja.
- 8 I Fikiran kakak berserabut memikirkan masalah kewangan yang dihadapinya  
II Jamilah menangis kerana kesakitan apabila kakinya terperosok ke dalam lubang.  
III Beberapa buah buku-buku kepunyaan kakak dipinjam oleh rakannya.  
IV Alias ialah pelajar yang paling pintar sekali di dalam kelasnya.
- A I dan II sahaja.  
B III dan IV sahaja.  
C I, II dan III sahaja.  
D II, III dan IV sahaja.

**Soalan 9**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 9 **Paras air sungai itu meningkat secara mendadak disebabkan hujan yang turun tidak henti-henti.**
- A Hujan yang turun tidak henti-henti menyebabkan paras air sungai meningkat secara mendadak
  - B Air sungai meningkat ke paras tertinggi secara mendadak disebabkan hujan yang turun tidak henti-henti
  - C Hujan yang turun tidak henti-henti menyebabkan air sungai melimpah secara mendadak.
  - D Secara mendadak air sungai meningkat disebabkan hujan yang turun tidak henti-henti.

**Soalan 10**

*Pilih peribahasa yang paling sesuai.*

- 10 Saidatun berasa gembira setelah mendapat hadiah sebuah kereta baru daripada ibunya kerana dia telah lama berhasrat memiliki keretanya sendiri.

Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan pernyataan di atas ialah

- A yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang
- B kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan
- C orang mengantuk disorongkan bantal
- D Belanda dapat tanah

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 - 15 berdasarkan bahan di bawah

IBU	:	( <i>Terkejut</i> ) Apa Zafar? Kau nak melatih dan mengiringi orang buta berkayak merentasi Tasik Permai?
MUZAFAR:		Ya, mak. Tapi bukan orang buta mak, orang cacat penglihatan. Saya akan bersama-sama mereka selama empat hari tiga malam.
IBU	:	( <i>Kurang senang</i> ). Empat hari tiga malam? Selalunya, kau cuma tidur dua malam bersama-sama orang yang datang berekspedisi di situ.
MUZAFAR:		Kami terpaksa menimbangkan keadaan fizikal mereka, mak. Sebab itulah kami panjangkan sedikit pakej latihan mereka.
IBU	:	Dia orang pun satu. Dah tahu tak nampak, buat apalah nak susahkan diri dan bebankan orang lain dengan menyertai kegiatan macam itu?
MUZAFAR:		Sebetulnya, saya mengagumi semangat mereka untuk turut sama terlibat dalam kegiatan-kegiatan macam ini, mak. Sebab itulah saya teringin sangat nak melatih dan mengiringi mereka, mak. Terasa <i>unik dan mencabar</i> tugas saya kali ni.
IBU	:	Jadi, kau sendiri yang menawarkan diri untuk memikul tugas ini?
MUZAFAR:		Ya, mak. Kebetulan, Faizal dan Chong sedang mengiringi sekumpulan pelancong Jerman merentas belantara Alur Nyiur dan mendaki Gunung Sayong. Yazid pula baru berangkat ke Makkah untuk menunaikan umrah. Kakitangan yang tinggal hanya saya dan abang Izi.
IBU	:	Kau ni memang sengaja mencari penyakit. Tak ada beban, batu digalas. Mak bukannya apa. Mak bimbang keselamatan kau, Zafar.
MUZAFAR:		Mak jangan bimbang. Bot polis dan penyelamat pihak Permai Resort akan mengiringi ekspedisi kami. Mereka akan cepat-cepat bertindak kalau sesuatu berlaku kepada kami.
IBU	:	Tapi, mak takut mereka hanya menjaga kebajikan orang buta itu saja dan mengabaikan keselamatan kau. Emak hanya ada engkau saja Zafar. Kaulah jantung hati emak.

Dipetik dan diubahsuai daripada Drama *Tenang- Tenang Air di Tasik*  
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3

11 Berdasarkan petikan, rangkai kata terasa *unik dan mencabar* membawa maksud

- A lain daripada yang lain dan menguji kebijaksanaan
- B luar biasa dan menduga kebolehan
- C istimewa dan menguji kemampuan
- D tersendiri dan menduga keyakinan

12

tak ada beban batu digalas

Peribahasa di atas membawa maksud

- A mendapat kesusahan kerana kesan tindakan orang lain
- B mendapat susah kerana mencampuri urusan orang lain
- C ssesuka hati mengambil hak orang lain
- D suka mengambil tahu hal orang lain

13

Kami terpaksa menimbangkan keadaan fizikal mereka, mak. Sebab itulah kami panjangkan sedikit pakej latihan mereka

Persoalan yang sesuai dengan contoh peristiwa di atas adalah

- A bekerjasama dalam mencapai kata sepakat.
- B keadilan dalam membuat sesuatu pilihan.
- C keprihatinan terhadap golongan istimewa.
- D keberanian dalam mencuba sesuatu yang baru.



- 14 Sebab utama Muzafar menawarkan diri untuk melatih orang cacat penglihatan untuk berkayak adalah kerana
- A Muzafar dan abang Izi sahaja kakitangan yang tinggal di Permai Resort.
  - B kebetulan kakitangan yang lain sedang sibuk dan ada yang bercuti.
  - C Muzafar mengagumi semangat orang cacat penglihatan.
  - D Muzafar terasa tugas kali ini mencabar dan unik.
- 15 Pernyataan berikut adalah benar berdasarkan petikan di atas **kecuali**
- A Ibu takut bot polis dan bot penyelamat pihak Permai Resort akan mengabaikan keselamatan Muzafar.
  - B Faizal dan Chong sedang mengiringi sekumpulan pelancong Jerman mendaki Gunung Sayong.
  - C Selalunya Muzafar akan bersama-sama peserta ekspedisi selama dua malam sahaja.
  - D Muzafar mengambil kira keadaan fizikal peserta-peserta kayak.

**BAHAGIAN B**

[30 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **dua kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Belakangan ini, masyarakat seringkali meminggirkan karya sastera. Kebanyakan remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya begitu asyik dengan pelbagai gajet. Mereka sewajarnya menyedari bahawa banyak faedah yang diperolehi dengan membaca karya sastera. Justeru itu, pelbagai langkah efisien perlu dilaksanakan bagi menggalakkan remaja membaca karya sastera agar tidak lapuk ditelan zaman.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan akan mengambil tindakan segera dalam bila-bila masa.

---

ii. Encik Adlin telah mengirinkan ayahnya wang pada setiap bulan.

---

[2 *markah*]

3 *Baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan yang diberikan.*

*Pisahkan **ayat majmuk** di bawah menjadi **ayat tunggal**.*

i Awak hendak ke Kuala Lumpur menaiki bas atau kereta api?

---

---

ii Azman keletihan selepas selesai bermain badminton dengan rakan-rakannya.


---

---

[4 markah]

4 *Lihat bahan di bawah dengan teliti.*

*Berdasarkan bahan tersebut, tulis satu peribahasa yang sesuai.*



---

---

[2 markah]

BAHAN 1

Kematian ayahnya Haji Badrul telah melemahkan perniagaan batik keluarga. Farid kerap mengingati pesan arwah bapanya bahawa perniagaan ibarat roda yang penuh cabaran. Ilmunya yang cetek bagi mewarisi perniagaan dan meneruskan perusahaan batik ayahnya yang kian malap dengan hutang yang banyak. Takkan ibunya, Hajah Zaoyah (56 tahun) yang menanggung beban itu, abangnya Lotfi lebih 10 tahun berada di kerusi roda. Manakala, abangnya Farhan telah meninggal dunia ketika tahun akhir di UKM. Adik-adiknya Hanisyah (15 tahun) dan Hisyam sangat mentah. Farid terpaksa mengambil alih perniagaan keluarganya.

*(Dipetik dan diubah suai daripada novel Hempasan Ombak, Kementerian Pendidikan Malaysia)*

BAHAN 2

Sejak kecil lagi, Parjo membantu emak dan bapanya menjual tapai ubi. Sebut sahaja 'tapai ubi Wak Salikon' semua orang sudah tahu dan nama Parjo sudah sebatu dengan makanan tersebut sehinggakan rakan-rakan sekolah menggelarnya 'Parjo Tapai'.

Proses membuat tapai ubi agak rumit, kerana banyak pantang larang yang perlu dipatuhi, antaranya adalah tidak boleh memberitahu orang semasa membuat tapai, elakkan daripada terkena kotoran atau minyak dan tidak boleh membuat bising kerana dikhuatiri tapai tidak menjadi.

*(Dipetik daripada cerpen Legasi Tapai Ubi, antologi Bintang Hati, Kementerian Pendidikan Malaysia)*

5 (a) Berdasarkan bahan 1 dan bahan 2, apakah pekerjaan yang dilakukan oleh Farid dan Parjo?

.....  
.....  
.....

[3 *markah*]

(b) Berikan dua persoalan yang terdapat dalam bahan 1.

.....  
.....  
.....

[3 *markah*]

(c) Sikap rajin perlu ada dalam diri setiap individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Pada pendapat anda,, apakah kesan jika seseorang itu rajin bekerja?

.....  
.....  
.....  
.....


[4 *markah*]

6 Jawapan anda hendaklah berdasarkan *satu* daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- i. Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- ii. Hempasan Ombak, karya Zailani Taslim
- iii. Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- iv. Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Persoalan merupakan sebahagian daripada tema yang menerangkan perkara atau pokok cerita dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang anda pelajari, nyatakan **tiga contoh peristiwa** yang bersesuaian dengan **persoalan** yang diberikan. Peristiwa yang dikemukakan mestilah berkait dengan **watak** yang dinyatakan





A series of horizontal dotted lines for writing.

[10 markah]

**BAHAGIAN C**  
[15 markah]

Lihat poster di bawah dengan teliti. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

**Larian Maya** 

**Sihat Sepanjang Hayat**

**5 KM**

**17-23 NOVEMBER 2022**

Pendaftaran Percuma

MENINGKATKAN KEYAKINAN, MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT DAN JARINGAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

**MALAYSIA, INDONESIA, INDIA, TURKI DAN AUSTRALIA**

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:  
PEGAWAI PERHUBUNGAN SETEMPAT

ATAU MELALUI EMEL:  
Jea2044@gmail.com

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[15 *markah*]